

MODUL 4.3 : TEMPLATE E-SIJIL

Modul Pengurusan Template Sijil digunakan oleh pegawai PIC untuk mengurus dan memuat naik reka bentuk template sijil yang akan digunakan dalam penghasilan eSijil. Pegawai boleh menyediakan template khas mengikut keperluan program dengan memastikan fail, saiz dan format template memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh sistem. Maklumat yang dimasukkan juga membantu memastikan template dapat dikenal pasti dan diurus dengan lebih sistematik.

Pengurusan Template Sijil

Muat Naik Template Baharu

PENTING! Pegawai PIC program yang mempunyai templat sijil khusus (template sendiri bagi program selain PIC) boleh memuat naik template tersebut di laman ini. Sijil yang dimuat naik mestilah dalam bentuk templat kosong tanpa tandatangan pengarah.
Saiz Templat Sijil 1414x2000 (*.PNG) sahaja

Muat Turun Langkah. Klik [Sijil](#)

Nama Template

CONTOH: TEMPLATE BENGKEL 2025

Kategori

--Pilih Kategori--

Status

--Pilih Status--

Fail Template (PNG/JPG)

Choose File No file chosen

Muat Naik Template

PENTING! Sijil yang dimuatnaik mestilah bersaiz 1414px x 2000px. Format yang dibenarkan adalah PNG/JPG

Medan / Fungsi	Penerangan
Nama Template	Memasukkan nama atau tajuk template sijil bagi memudahkan template dikenal pasti dalam sistem. Contohnya, "TEMPLATE BENGKEL 2025".
Kategori	Memilih kategori yang bersesuaian dengan template sijil yang akan dimuat naik.
Status	Menentukan status template dalam sistem, contohnya sama ada template tersebut Aktif atau Tidak Aktif. Template yang aktif boleh digunakan dalam
Fail Template (PNG/JPG)	Memilih dan memuat naik fail reka bentuk template sijil daripada komputer. Fail yang dimuat naik hendaklah mengikut format yang ditetapkan oleh sistem, iaitu PNG atau JPG.
Muat Naik Template	Menyimpan dan memuat naik template yang telah dilengkapkan ke dalam sistem. Template akan direkodkan dan boleh digunakan berdasarkan kategori serta status yang ditetapkan.
Saiz Template	Template sijil hendaklah menggunakan saiz 1414 × 2000 piksel bagi memastikan reka bentuk dipaparkan pada dimensi yang sesuai.
Format Fail	Format fail yang dibenarkan ialah PNG atau JPG sahaja.
Muat Turun Langkah	Menyediakan pautan kepada panduan atau langkah penggunaan untuk membantu PIC memahami proses pengurusan dan muat naik template

MODUL 4.3 : TEMPLATE E-SIJIL

Pelarasan Kedudukan Atribut Sijil

Paparan Preview Atribut Sijil digunakan untuk membantu PIC membuat susun atur dan pelarasan kedudukan setiap maklumat pada template sijil sebelum sijil digunakan. PIC boleh melihat kedudukan sebenar setiap atribut secara langsung pada paparan preview dan mengubah kedudukannya supaya susun atur sijil kelihatan lebih kemas, seimbang dan sesuai dengan reka bentuk template.

Melalui fungsi ini, PIC boleh melaraskan kedudukan (X dan Y), saiz tulisan, warna, penjarangan, jenis dan format teks bagi setiap atribut mengikut kesesuaian. Setiap atribut yang dipaparkan pada sijil boleh dilaraskan secara individu bagi memastikan maklumat seperti nama penerima, nombor IC, nama program, tempat, tarikh, anjuran dan tandatangan Pengarah berada pada kedudukan yang tepat.

Setelah pelarasan selesai, PIC boleh memilih “Simpan Kedudukan” untuk menyimpan tetapan yang telah dibuat. Tetapan tersebut kemudiannya akan digunakan oleh sistem semasa proses penjaan eSijil.

Adjust Lokasi Atribut — SIJIL PENCERAMAH PROGRAM INTERVENSI AKADEMIK “UBAH SIKAP UBAH KEPUTUSAN”
PELAJAR DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (DIT) (Sijil Khas)

Saiz sebenar: 2000 x 1414 px

name ic bulan jawatankuasa eventname tempat date anjuran siri

tambahan_info director_sign

Field	X	Y	Align	Font
name	859	534	center	40
ic	0	750	center	1
bulan	0	790	center	1
jawatankuasa	0	890	center	1
eventname	0	1035	center	1
tempat	0	1200	center	1
date	0	1340	center	1
anjuran	0	1470	center	1
siri	681	1385	left	12
tambahan_info	851	559	center	18
director_sign	867	1235	center	620

► Advanced (warna / width / line-height / uppercase / wrap / prefix)

Simpan Kedudukan Kembali

Nilai X/Y adalah piksel sebenar pada imej asal. Seretan (drag) dalam preview akan menukar nilai automatik.

Klik “Simpan Kedudukan”

Setelah pelarasan selesai, klik butang “Simpan Kedudukan” untuk menyimpan semua tetapan kedudukan dan format atribut yang telah dibuat.

Preview eSijil Seperti Biasa

Setelah tetapan disimpan, PIC boleh meneruskan proses preview eSijil seperti biasa untuk membuat semakan akhir sebelum sijil digunakan atau dihantar untuk proses seterusnya.